

Mahasiswa isi masa **lapang**, peka isu semasa

Oleh **AUNI**
Pegawai Perhubungan Awam
Media MyFundAction Perak

PERKONGSIAN artikel ini diharapkan dapat menjadi inspirasi untuk anak-anak muda di luar sana agar mengisi masa lapang dengan perkara-perkara bermanfaat dan berani menyuarakan pendapat walaupun masih di usia muda.

Mahasiswa atau mahasiswi, sudah pasti sibuk menguruskan persiapan diri untuk menuntut ilmu sehingga ke menara gading.

Manakan tidak, setiap hari kelas pagi hingga ke petang bahkan hingga ke malam pun ada. Dengan kerja kursus, portfolio, pembentangan dan sebagainya juga turut berkait rapat dengan kita yang bergelar pelajar.

Namun, kesibukan yang ada tidak menghalang kita sebagai pelajar untuk mengetahui situasi atau keadaan yang berlaku di dunia luar.

Pada akhir Ramadan, kita digemparkan dengan berita yang menyayat hati. Negara Palestin telah diserang lagi oleh Israel. Sedih melihat keadaan mereka, rumah diambil, dibom dan dihancurkan. Bayi, orang tua dan wanita yang tidak bersalah pun terpalit sama dengan kekejaman Zionis.

Di manakah sifat kemanusiaan tentera Zionis ini terhadap Palestin? Apa yang mereka mahukan dari Palestin?

Oleh itu, satu diskusi bertajuk Palestine vs Israel : Muhasabah atau menggelabah? telah dianjurkan bagi menyedarkan dan meraih simpati masyarakat untuk isu di Palestin.


Apa yang perlu kita lakukan sebagai manusia? Muhasabah atau menggelabah? Itu persoalan yang dibangkitkan dalam tajuk yang dikupas selama beberapa detik jam diskusi itu berlangsung.

Semuanya telah dikupas dalam ceramah tersebut yang dianjurkan oleh dua orang mahasiswa dari Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Atas sokongan dan bimbingan dari Youth of Strength and Happiness (YOSH) MyFundAction Perak, dua mahasiswa dari kejuruteraan kimia, Nurul Anis Norazlan dan Ainul Mardhiah Khairul Anuar berusia 19 tahun memberanikan diri mengajak rakan-rakan mahasiswa seluruh Malaysia untuk terlibat dalam diskusi berbau isu sejangkit kemanusiaan.

Mereka mengguna kelapangan masa yang ada untuk mengendalikan bual bicara (*talk*) secara atas talian bagi mengupas isu kemanusiaan di Palestin.

Dalam 'talk' tersebut,



Mahasiswa isi kelapangan dengan bangkitkan kesedaran masyarakat tentang isu pelanggaran hak asasi manusia di Palestin.

mereka cuba sedaya upaya membangkitkan kesedaran soal isu kemanusiaan yang dilihat kian pudar dalam kalangan generasi muda setelah isu ini tular sejak Ramadan lalu.

Nurul Anis dan Ainul Mardhiah menekankan kewajaran yang harus dilakukan bagi seorang insan yang memiliki sifat kemanusiaan untuk membantu saudara kita di Palestin.

Isu utama penaklukan dan serangan Zionis Israel di Palestin turut dikupas dalam 'talk' ini, ia secara tidak langsung menyedarkan ramai anak muda yang terkesan dengan penjarahan moden yang tidak bertamadun ini.

Situasi meruntun jiwa turut

dikongsi para mahasiswa yang terlibat yang menyaksikan di segenap ruang media sosial akan sikap tidak berperikemanusiaan Zionis Israel terhadap manusia yang dikenali bangsa Palestin.

Tanpa diduga sepanjang 'talk' itu berlangsung, ia berjaya menarik peserta berbangsa Cina untuk turut serta menyatakan pandangan dan solidariti atas kesukaran rakyat Palestin.

Isu ini membuka mata segenap bangsa dan kaum bahawa isu yang berdekad sudah usianya ini bukan soal keagamaan tetapi rata-rata ia dilihat sebagai nilai kemanusiaan iaitu isu pelanggaran hak kemanusiaan.

Sifat kemanusiaan tidak semestinya untuk agama yang

sama.

Justeru itu, kita tidak boleh menjustifikasikan atau memilih dalam melakukan sesuatu kerana sifat kemanusiaan itu tanpa sempadan yakni mestilah saling membantu tidak kira agama atau bangsa dan warna kulit.

Berikutan isu Palestin juga memerlukan masyarakat yang berperikemanusiaan untuk memberi bantuan tidak kira dari segi duit, makanan, pakaian dan sebagainya.

Intinya, sifat kemanusiaan dan simpati wajarlah ada dalam diri setiap manusia. Nilai-nilai ini perlu diterapkan agar diri kita sentiasa bersyukur dan memberi pertolongan kepada yang memerlukan.


'Code-Switching' dan 'Code-Mixing' bahasa kedua

Oleh **SITI NUR BAIIN CHE HARUN**
Guru Bahasa Inggeris, Fakulti
Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia

SEPERTI tajuk, artikel ini berkongsi tentang beberapa faktor dan situasi yang menjurus kepada pelajar dan pengajar menggunakan 'code-switching' dan 'code-mixing' ketika dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Code-switching atau juga disebut sebagai pertukaran kod. Manakala *code-mixing* ialah percampuran kod yang biasa berlaku dalam pertuturan atau komunikasi seharian bagi mereka yang menguasai lebih dari satu bahasa.

Fenomena ini sangat biasa berlaku di negara kita kerana terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum. Mereka menggunakan pelbagai dialek dan bahasa seperti bahasa Melayu, Cina,



Tamil dan suku kaum serta dialek tempatannya.

Terdapat tiga jenis *code-switching*, pertama Intersentential, contoh ayat - "I'm pregnant. Saya tak sangka pulak." Kedua, Intrasentential contoh ayat - "saya start menabung dari kecil" dan ketiga, Extrasentential contoh ayat - "I don't think so lah."

Faktor dan situasi berlaku *code-switching* dan *code-mixing*

Latar Belakang Bahasa Kedua
Latar belakang bahasa kedua

merupakan salah satu faktor terjadinya *code-switching*. Ini kerana, pelajar terdiri dari latar belakang yang berbeza. Contohnya, mereka yang berasal dari kawasan pedalaman atau luar bandar kurang terdedah kepada penggunaan Bahasa Inggeris dan tidak begitu mahir dengan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi harian.

Tahap penguasaan pelajar

Selain itu, tahap penguasaan pelajar juga merupakan faktor lain yang menjuruskan kepada penggunaan *code-switching* di dalam kelas. Apabila pelajar kurang mahir berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, mereka akan memilih untuk *code-switch* dan *code-mix* bagi membantu proses komunikasi. Ia juga boleh mengurangkan rasa gugup dan tidak yakin. Dengan *code-switch*, berkomunikasi berlaku dengan

lebih lancar dan mudah difahami oleh kedua-dua pihak.

Kesukaran topik

Kesukaran topik yang diajarkan di dalam kelas juga mempengaruhi penggunaan *code-switching*. Ini kerana, pelajar akan kurang yakin untuk berbahasa Inggeris sepenuhnya sedang tajuk yang dipelajari juga masih samar untuk difahami. Seseengah guru atau pensyarah juga akan memilih untuk menerangkan dan 'switch' kepada bahasa yang pelajar mudah memahaminya. Ini sangat membantu pelajar dalam memahami tajuk-tajuk yang agak sukar.

Penggunaan jargon dan terminology

Fenomena *code-switching* akan kerap berlaku sekiranya penggunaan jargon atau terminology perlu digunakan.

Biasanya ia terpaksa dan tidak sedar digunakan dalam pertuturan kerana tidak tahu untuk menggantikan perkataan tersebut bagi menerangkan konteks sebenar satu-satu perkataan. Contohnya, terminology dari bidang-bidang saintifik, medik, undang-undang dan sebagainya.

Secara kesimpulan, penggunaan *code-switching* dan *code-mixing* sering berlaku dalam perbualan dan komunikasi harian, lebih-lebih lagi di dalam kelas yang menggunakan mother tongue yang sama.

Code-switching digunakan untuk memudahkan komunikasi difahami. Ia mewujudkan jambatan kefahaman yang serasi di dalam perbualan. Ia bersifat semulajadi akan tetapi perlu cekap menggunakannya supaya mesej dapat diterima dengan jelas dan tepat.